






1100024316

LP 6 FST 1 2002



1100024316

Biologi pemakanan larva ikan baung triloid, *Mystus nemurus* / Arfa Faris Mohd. Amin.

dn 1036



Handwritten notes and markings

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100024316		

1100024316

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)			
Pengarang ARFA FARIS MOHD AMIN		No. Panggilan Lp 6 FST	
Judul biologi pemakanan larva ikan baung triloid - FST			
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda Tangan

16/2/10

**BIOLOGI PEMAKANAN LARVA IKAN BAUNG TRIPLOID**

*Mystus nemurus*

**Oleh**

**ARFA FARIS BT MOHD. AMIN**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk  
mendapatkan ijazah  
Bacelor Sains Perikanan**

**Fakulti Sains dan Teknologi,  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU**

**2002**

**1100024316**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Laporan projek ini hendaklah dirujuk sebagai :

Arfa, F. M. A. 2002. Biologi Pemakanan Larva Ikan Baung Triploid, *Mystus nemurus*.  
Laporan Projek, Bacelor Sains Perikanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti  
Putra Malaysia Terengganu. 55p



## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Ilahi. Dengan izin dan kurnia-Nya, maka terhasillah laporan projek tahun akhir ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada dua insan yang amat bermakna dalam hidup ini, mak, PUAN SITI AISAH BT MOHD SHARIF dan abah, EN. MOHD. AMIN B MOHD. YUSOF, atas dorongan dan sokongan yang tidak mampu diungkapkan. Keluarga tercinta atas nasihat dan bimbingan.

Tidak dilupakan penyelia projek, Dr. Anuar b Hassan, para pensyarah, Dr. Abol Munafi, Dr. Ahmad Shamsuddin, semua kakitangan pusat penetasan air tawar dan air masin, En. Aziz, En. Yaakob, semua kakitangan makmal, Kak Tini, Abang Zam dan semua yang turut menghulurkan bantuan semasa menjalankan kajian ini.

Buat teman-teman serumah, Reena, Wata, Anie dan Adha... terima kasih kerana memahami diri ini. Untuk teman seperjuangan, terima kasih di atas bantuan dan tunjuk ajar... kenangan bersama kalian adalah satu aset yang paling berharga...

Akhir sekali buat insan tersayang... terima kasih kerana sabar melayan karenah diri dan terima kasih yang tidak ternilai atas dorongan dan bantuan selama ini.

Buat sesiapa yang tidak dinyatakan... ketahuilah, kalian tetap dihargai...

Salam sayang buat semua....

**Arfa Faris Binti Mohd. Amin**

**9479**



## ABSTRAK

Kajian ini lebih tertumpu kepada beberapa aspek biologi pemakanan pada peringkat awal larva ikan baung triploid, *Mystus nemurus* (Cuv. & Val. ). Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting atau khusus mengenai biologi pemakanan larva ini bagi meningkatkan dan mengembangkan penghasilan benih ikan baung, terutamanya di pusat penetasan.

Panjang penuh larva ikan baung yang baru menetas adalah  $4.00 \pm 0.26$  mm dan mempunyai kantung kuning telur yang berukuran  $9.50 \times 10^{-4} \pm 3.66 \times 10^{-5}$  mm<sup>3</sup>. Kantung yolka akan mengecut sepenuhnya dalam masa 81 jam selepas menetas dengan suhu air 26 hingga 32 °C.

Larva ikan baung triploid didapati akan mula makan pada jam ke-53 selepas menetas. Pada masa ini, peratusan kantung yolka yang tinggal adalah kira-kira 14.74 % daripada isipadu awal. Bilangan artemia yang terdapat dalam salur penghadaman larva ikan baung triploid ini adalah  $3.00 \pm 0.89$  ind / larva. Saiz naupli *Artemia* yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan julat saiz bukaan mulut larva iaitu, 20 % hingga 40 % (Ito dan Suzuki, 1977 dan Hunter, 1980).

Tanpa pemberian makanan awal, larva ikan baung triploid mula menunjukkan kematian selepas 72 jam sehingga 192 jam selepas menetas. Suhu air pula adalah di antara 27 °C hingga 32 °C.



Kematian yang paling tinggi dalam larva ikan adalah pada minggu pertama selepas menetas. Ini merupakan masa pertukaran dari pemakanan endogenus kepada exogenous. Keadaan ini adalah paling kritikal dalam kitar hidup larva. Terdapat perbezaan (  $P < 0.05$  ) di antara kadar hidup larva ikan baung triploid dengan panjang larva tersebut dalam eksperimen penanguhan pemberian makanan.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH



## ABSTRACT

Some aspects of feeding biology in the early life stage of the green catfish, *Mystus nemurus* (Cuv. & Val.) were undertaken in order to get some important information for developed and improvement of fry production in the hatchery.

Newly hatched larvae were  $4.00 \pm 0.26$  mm in total length, and had large yolk sac of  $9.50 \times 10^{-4} \pm 3.60 \times 10^{-5}$  mm<sup>3</sup>. The yolk sac were completely absorbed within 81 hr after hatching at water temperatures 26 °C until 32 °C.

The larvae started feeding within 53 hr after hatching when yolk sac was at 14.74 % of its initial volume. The number of *Artemia* in the digestive tract in the start of feeding was  $3.00 \pm 0.89$  ind / larvae. It is close to the range 20 % until 40 % of the mouth size in various fishes as reported by Ito and Suzuki (1977) and Hunter (1980).

Without start of feeding, the larvae started to die at 72 hr and all die within 192 hr after hatching at water temperature ranging between 27 °C and 32 °C.

The highest mortality of larvae in delay of feeding experiment appeared in the first week after hatching, that is during the transition period from an endogenous to an exogenous feeding which marks the onset of the larvae stage. This is one of the most critical period of the life cycle. There were significant differences (  $P < 0.05$  ) on survival rate of triploid green catfish larvae to total length.